

'Tiada kenyataan terbuka'

Tun M anggap rundingan dengan Thailand tidak bantu redakan ketegangan

PUTRAJAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, beliau dan Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra mengambil pendirian tidak membuat kenyataan terbuka mengenai hasil rundingan sebelum ini kerana berpendapat kenyataan daripada kedua-dua pihak di Thailand dan Malaysia sebelum ini, tidak membantu meredakan ketegangan.

Bekas Perdana Menteri itu berkata, pihak Thailand berkecil hati dengan kenyataannya sebelum ini supaya wilayah selatan negara itu diberi kuasa autonomi.

Beliau mengakui bekas Perdana Menteri Thailand, Anand Panyarachun ada menimbulkan perkara itu ketika mereka bertemu di Bangkok baru-baru ini tetapi isu berkenaan tidak dibincangkan dengan lanjut.

"Ia tidak dibincang, cuma Anand menjelaskan bahawa di Thailand, perkataan autonomi bermaksud kemerdekaan. Sebab itu mereka sangat kecewa mengenai apa yang saya katakan sebelum ini," katanya selepas majlis penerimaan penajaan bagi Forum Keamanan Global Perdana di sini, semalam.

Dr Mahathir dan isteri Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali melakukan lawatan dua hari ke Bangkok kelmarin atas jemputan Anand. Beliau berte-

mu Thaksin untuk membincangkan masalah pergolakan di selatan wilayah negara itu selain menghadap Raja Bhumibol Adulyadej.

Mengenai pertemuannya dengan Raja Bhumibol, bekas Perdana Menteri berkata, beliau cuma memberitahu mengenai perbincangannya dengan Thaksin.

Ditanya mengenai pelantikan ketua eksekutif baru (CEO) Proton Holdings Bhd, Dr Mahathir yang juga Penasihat Proton berkata, beliau tidak tahu menahu 'dan tidak ada keperluan untuk menghubungi saya'.

Mengulas lanjut khabar angin bahawa Timbalan Pengarah Urusan Perodua Auto Corporation Sdn Bhd, Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir kemungkinan menggantikan tempat yang sebelum ini dipegang oleh Tan Sri Tengku Mahaleel Tengku Ariff, beliau berkata: "Saya tidak tahu, mungkin saya kenal dia tetapi saya tidak tahu (kebenaran) itu."

Mengenai Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) tahun depan, beliau berkata, minat tinggi yang ditunjukkan oleh kerajaan sekarang sekurang-kurangnya akan menghilangkan kebimbangan di kalangan negara Afrika mengenai masa depan LID dan Perkongsian Pintar Antarabangsa Afrika Selatan (SAID).



KENANGAN: Tun Dr Mahathir bergambar bersama penaja selepas majlis penerimaan penajaan bagi Forum Keamanan Global Perdana di Putrajaya, semalam.